

TERJEMAHAN BAHASA ISYARAT HADIS UNTUK OKU PENDENGARAN: HADIS ‘JIBRIL BERJUMPA DENGAN NABI MUHAMMAD SAW, BERTANYA TENTANG IMAN, ISLAM & IHSAN

**Ameera Amy Natasya Arjuna¹
Wan Nur Nazihah Wan Zamri²
Nurul Nadirah Burhanuddin³
Maisarah Saidin⁴**

1Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (ameeraamynatasya@gmail.com)

2Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (nazihahzamri1234@gmail.com)

3Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (nurulnaadirah@gmail.com)

4Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (maisarah@usim.edu.my)

Abstrak: Sejak kebelakangan ini banyak usaha telah dilaksanakan untuk menterjemahkan al-Quran kepada bahasa isyarat. Kesianambungan daripada usaha tersebut, didapati bahawa pendidikan berkaitan hadis kepada komuniti OKU Pendengaran adalah sama pentingnya dengan pendidikan al-Quran. Malangnya, hadis yang merupakan sumber kedua dalam Islam masih belum diperkasakan kepada golongan ini. Justeru, kajian ini akan mewujudkan usaha inovatif ke arah pembangunan pengajaran dan pembelajaran hadis kepada masyarakat bermasalah pendengaran, mereka bentuk terjemahan hadis mesra OKU pendengaran berdasarkan makna dan pemahaman hadis, dan membangunkan prototaip bagi hadis pilihan ini. Kajian ini juga bertujuan memperlihatkan peranan masyarakat Islam dalam usaha memberi pendekatan dan keutamaan pembelajaran agama bagi golongan OKU pekak melalui metode yang mudah dan pembelajaran moden. Penyelidikan ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan ini perlu diteruskan dengan tujuan agar lebih banyak hadis dapat diterjemahkan ke dalam bahasa isyarat bagi masyarakat bermasalah pendengaran supaya mereka juga dapat didedahkan dengan hadis secara lebih meluas dan dapat mengakses hadis dengan mudah. Prototaip ini juga boleh digunakan sebagai modul penyampaian dan bahan pengajaran dalam program berbentuk ilmiah yang khusus untuk komuniti OP.

Kata Kunci: *Bahasa Isyarat, Hadis, OKU Pendengaran, Iman, Islam, Ihsan*

Pendahuluan

Statistik pada tahun 2020 menunjukkan seramai 40,319 orang pekak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lebih 22,536 daripada jumlah itu beragama Islam. Menurut Muhammad, N. A. F., dan Khamaruddin, S. R (2019), berdasarkan dapatan kajian, lima daripada sepuluh orang pekak menyatakan kekurangan istilah ibadat dalam bahasa isyarat Malaysia sebagai penghalang utama untuk mempelajari cara beribadat. Akibat daripada isu ini, masyarakat orang pekak sukar untuk mempelajari tentang ibadah. Ini berikutan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) berfungsi sebagai bahasa komunikasi utama mereka serta alat pengajaran dan pembelajaran.

Bahasa isyarat ialah bahasa yang digunakan oleh orang pekak untuk berkomunikasi secara visual antara satu sama lain. Bahasa isyarat membolehkan orang pekak berkomunikasi dan menyatakan pendapat, perasaan, masalah mereka dan lain-lain. Ia adalah bahasa semula jadi yang terdiri daripada tatabahasa sendiri dan struktur kompleks. Keunikan dari segi pergerakan tangan, badan, dan muka membezakan setiap mesej yang ingin disampaikan. Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran Islam bagi masyarakat bermasalah pendengaran menggunakan pelbagai teknik, antaranya ialah Kaedah Fakih. Melalui kaedah Fakih, OKU pendengaran boleh membaca Al-Quran dengan kaedah tersendiri. Kaedah Fakih ini telah menggunakan enam teknik pengajaran melalui modul yang telah dibangunkan iaitu bermula dengan kaedah asas Fakih sehingga Fakih al-Quran 6. Kaedah Fakih ini menggunakan kod tangan Hijaiyyah dengan membuat lambang huruf membaca al-Quran khusus untuk OKU pendengaran. Seperti yang diketahui ramai, al-Quran adalah sumber rujukan pertama dalam Islam. Ia menjadi kayu pengukur umat Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Banyak perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Terdapat banyak firman Allah dalam al-Quran yang mewajibkan semua umat Islam mengikut hadis sebagai sumber kedua sambil merujuk kepada al-Quran sebagai sumber pertama. Namun, kebanyakan ayat dalam al-Quran adalah mujmal (ayat yang menyebut perintah secara ringkas).

Komuniti bermasalah pendengaran menghadapi kekangan dari sudut kekurangan guru pembimbing yang mahir dalam bahasa isyarat (BIM) dan mampu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pendidikan Islam dengan lebih jelas. Setelah mempelajari dan mengenali serba sedikit tentang masyarakat bermasalah pendengaran, ia telah menarik minat pengkaji untuk menghasilkan kajian yang bertajuk Hadis Terjemahan Bahasa Isyarat Bagi OKU Pendengaran: Hadis 'Jibril Bertemu Nabi Muhammad saw, bertanya tentang Iman, Islam. & Ihsan', melalui aplikasi YouTube. Penyelidikan ini dijalankan untuk memberi pendedahan tentang hadis khususnya hadis Akidah, Islam & Ihsan' kepada masyarakat bermasalah pendengaran. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat bermasalah pendengaran untuk mula memahami hadis kerana secara umumnya hadis ini membicarakan tentang kesempurnaan agama Islam dengan menyebut tiga komponen iaitu asas Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi ibadah yang menjadi tujuan hidup manusia. Komponennya ialah Iman, Islam, dan Ihsan.

Menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sama-sama menjelaskan kepada masyarakat umum dan masyarakat bermasalah pendengaran khususnya. Kajian ini akan mewujudkan usaha inovatif ke arah pembangunan pengajaran dan pembelajaran hadis kepada masyarakat bermasalah pendengaran, mereka bentuk terjemahan hadis mesra OKU pendengaran berdasarkan makna dan pemahaman hadis, dan membangunkan prototaip Terjemahan Bahasa Isyarat Hadis untuk OKU Pendengaran: Hadis 'Jibril Berjumpa Dengan Nabi Muhammad SAW, Bertanya Tentang Iman, Islam & Ihsan', Melalui Aplikasi Youtube.

Metodologi Kajian

Penyelidikan atau kajian yang dijalankan adalah sebagai satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis maklumat yang diperolehi secara sistematik dan terperinci untuk memecahkan persoalan yang terungkap. Kaedah kualitatif atau kaedah kajian rujukan perpustakaan telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat bahan kajian. Pengkaji telah merujuk buku-buku ilmiah, artikel, jurnal ilmiah, akhbar dalam talian serta menggunakan kemudahan internet untuk membantu mencari bahan rujukan tambahan. Rujukan dari bahan sekunder ini telah dianalisis bagi menjawab segala persoalan dalam kajian yang dijalankan. Prototaip ini dibezakan dengan beberapa ciri, termasuk penggunaan bahasa yang mudah atau, lebih tepat, bahasa yang mesra untuk pengguna bermasalah pendengaran, dan memudahkan komuniti ini untuk memahami. Ia termasuk Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), video, gambar, alih suara dan sari kata yang memberi manfaat kepada OKU pendengaran dan orang biasa. Tambahan pula, pembangunan akan dijalankan mengikut reka bentuk yang telah ditetapkan.

Perbincangan Kajian

Terdapat empat perkara yang akan dibincangkan dalam tinjauan literatur ini berdasarkan tajuk kajian ini:

Takrif Iman, Islam, Ihsan

Takrif Iman

Rasulullah SAW menerangkan rukun iman iaitu kepada Allah SWT, malaikatmalaikatNya, kitab-kitabNya yang diturunkan kepada para nabi dan rasul, rasul-rasulNya, hari kiamat serta qada' dan qadar. Semua perkara ini menjadi dasar akidah atau kepercayaan orang Islam yang di atas dasar-dasar inilah dilaksanakan amal dan ibadah. Ini kerana, ulama-ulama hadis dan fiqh seperti Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad telah mentakrifkan iman sebagai "...pembenaran dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan sekalian rukun." (Mustafa, 2009: 91)

Berdasarkan takrifan iman yang diberikan ini, menjadi syarat penting kepada membenaran iman adalah dengan melakukan amal dan perbuatan atau melaksanakan perintah yang disuruh dan menjauhi yang dilarang oleh Allah SWT, iaitu "amar makruf dan nahi mungkar" yang termasuk di dalam ertikata beribadah seperti yang dijelaskan oleh Al-Qardhawi.

Oleh yang demikian, orang yang beriman hendaklah menjadi seorang yang beramal untuk memantapkan keimanannya kepada semua rukun-rukun iman. Jika seorang yang mengaku bahawa dia beriman tetapi dia tidak mempamerkan imannya dengan melakukan amal, maka imannya adalah perhiasan dan cita-cita semata-mata. Individu seperti ini hanya menyangka bahawa dia adalah seorang yang beriman dan berharap mendapat keredhaan Allah SWT sedangkan imannya tidak sempurna (Mustafa, 2009: 92)

Kaitan antara iman dan ibadah juga dapat ditinjau menerusi fitrah manusia yang memerlukan Tuhan atau Yang Maha Kuasa untuk menjadi tempat bergantung harap. Di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang menggambarkan fitrah manusia yang memerlukan Tuhan untuk disembah (Al-Zumar, 39: 8; Luqman, 31: 32 dan Al-Isra', 17: 67). Firman Allah SWT.

Hasil dari kepercayaan kepada rukun-rukun iman ini menyebabkan seorang mukmin itu menyerahkan jiwa dan segala urusan kehidupannya hanya kepada Yang Maha Esa agar selari dengan contoh kehidupan yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW. Mukmin yang sejati akan mengatakan "kami dengar dan kami taat" kepada setiap perintah dan larangan yang telah

ditetapkan oleh Allah SWT terutama yang bersifat amal perbuatan. Keimanan yang mereka punyai ini dapat mengeluarkan mereka dari ketundukan terhadap hawa nafsu kepada ketaatan yang mutlak kepada Allah SWT (Al-Qardhawi, 1995: 63). Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya: “Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata (Al-Ahzab, 33: 36).

Hubungan iman dan kesihatan jiwa dapat dilihat dari perspektif Islam dengan merenungi ayat-ayat yang menyatakan bahawa orang yang beriman dapat merasakan keamanan, ketenangan dan kebahagiaan (Al-An’am, 6: 82; Al-Ra’d, 13: 28 dan AlTagabun, 64: 11). Firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ

Maksudnya: “Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (Al-An’am, 6: 84).

Dalam hal ini, keimanan kepada Allah SWT dapat menghindarkan dan menyembuhkan diri manusia dari penyakit-penyakit jiwa dan memberi rasa aman dan tenteram. Selain itu, seorang mukmin juga terhindar dari rasa bimbang dan sedih yang mengakibatkan jiwanya sakit. Peranan iman yang menghasilkan rasa keamanan dan ketenangan apabila segala harapan, sandaraan, pertolongan, penjagaan dan perlindungan diserahkan hanya kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam, Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Bijaksana, Yang Maha Mendengar dan Yang Maha Melihat (W. Hussein Azmi, 1994: 52).

Tiada lagi keraguan, putus asa, kekecewaan dan kesedihan kerana seseorang mukmin itu yakin dan percaya bahawa tiada lagi kejahatan dan kesakitan melainkan dengan kehendak Allah SWT. Maka keyakinan dan keimanan inilah yang menghasilkan rasa damai, tenang dan bahagia itu.

Takrif Islam

Seterusnya hadis tersebut menyebutkan bahawa rukun Islam ada lima perkara iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat lima waktu, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji di Baitullah. Jika seseorang manusia dapat memenuhi kelima-lima rukun ini maka sempurnalah Islamnya dan dia terpelihara dari kemurkaan Allah SWT sekiranya ditunaikan rukun-rukun tersebut serta hukumhukum yang bertalian dengan syariat Islam itu sendiri (Mustafa, 2009: 76).

Maka ibadah yang terangkum di dalam rukun Islam ini menjadi dasar yang menjadi medium perhubungan antara makhluk dan Khaliknya. Secara sistematiknya, seorang muslim diperintahkan untuk sentiasa berhubung dengan Allah SWT pada setiap saat dan ketika, tempat dan ruang yang dapat memenuhi setiap detik kehidupannya. Ini kerana kelima-lima ibadah ini telah tersusun bermula dengan syahadah, solat lima waktu yang wajib dikerjakan sehari semalam lima kali, zakat setiap tahun, puasa di bulan Ramadhan selama sebulan dan menunaikan haji sekurang-kurangnya seumur hidup sekali tertakluk kepada kemampuan seseorang.

Manakala hikmah di sebalik ibadah-ibadah yang dilakukan ini pula memberikan berbagai kelebihan dan fadhilat yang kembali kepada diri orang yang melakukan ibadah, masyarakat dan ummah keseluruhannya. Namun demikian, tujuan ibadah yang paling utama adalah untuk mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dan mengesakanNya. Sebagaimana yang disebut oleh Imam Al-Shatibi bahawa ibadah mempunyai tujuan asal iaitu mengesakan Allah SWT; dan tujuan-tujuan sampingan seperti mendapatkan kebaikan jiwa dan menghasilkan sifat-sifat utama padanya (Al-Qardhawi, 1986: 54).

Antara contoh kesan, hikmah dan kesan ibadah khusus seperti solat solat adalah ibadah yang menunjukkan wujudnya ikatan yang kuat antara hamba dengan tuhanNya. Ini kerana dalam solat, seseorang hamba seolah-olah berada di hadapan Tuhannya yang dengan penuh kesungguhan memohon berbagai keperluan dan permintaan di samping rasa merendah diri, hina, ketaatan dan cinta kepadaNya. Mengerjakan solat dengan penuh keyakinan dan khusu' dapat menimbulkan kejernihan spiritual, ketenangan hati dan keamanan diri sewaktu mengerahkan semua emosi dan anggota tubuh berserah kepada Allah SWT (Al-Zahrani & Insani., 2005: 481).

Menurut (Anas, 2012: 157), dua syarat perlu dilaksanakan agar solat dapat berperanan kepada penyucian dan kesihatan jiwa. Pertama, melakukan solat dengan sempurna, rapi perbuatannya, menjaga waktunya, tidak lalai, ikhlas dan menepati kaedah berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Kedua, mendirikan solat dengan penuh khusyu' dan penuh penghayatan. Ini kerana solat yang tidak khusyu' seumpama jasad tanpa roh. Ia kosong dan tidak memberikan kesan kepada penyucian.

Manakala ibadah puasa pula, Al-Qardhawi (1995: 286), menyatakan bahawa berpuasa adalah ibadah yang menegah dari makan dan minum serta mengauli isteri dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Walaupun pada zahirnya, puasa nampak seperti perbuatan yang negatif, tetapi ia mempunyai banyak kelebihan pada hakikatnya terutama kebbaikannya kepada roh manusia. Seorang mukmin yang berpuasa menahan jiwanya daripada tuntutan hawa nafsu dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Al-Quran sendiri telah menjelaskan matlamat utama berpuasa adalah untuk mencapai ketakwaan (Al-Baqarah, 2: 183). Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.” (Al-Baqarah, 2: 183).

Tafsir (Jalalain, t.th: 1/37) menyebutkan bahawa ayat ini bermaksud dengan mengerjakan amalan berpuasa, ia dapat menghindarkan diri dari melakukan maksiat. Ini kerana, puasa dapat meredakan keinginan syahwat yang menjadi punca melakukan maksiat. Manakala (Ibn Kathir, 2011: 1/342) menyatakan puasa mengandungi penyucian, pembersihan dan penjernihan diri dari kebiasaan-kebiasaan yang buruk dan akhlak yang tercela. Puasa juga dapat menyucikan badan dan menyempitkan jalan-jalan syaitan yang boleh mendorong orang melakukan maksiat.

Begitulah dengan ibadah zakat, haji, berzikir, berdoa, membaca Al-Quran, bersedekah dan membantu orang lain. Ia mempunyai kesan dan hikmah yang sangat memberi kesan kepada jiwa orang yang melakukannya apabila dilakukan dengan penuh tawaduk, ikhlas dan kerana Allah SWT semata-mata.

Takrif Ihsan

Menurut pengertian ihsan seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi hadis Abu Hurairah ini, iaitu seseorang menyembah Allah SWT seolah-olah dia melihatNya. Jika dia tidak berupaya untuk melihat Allah SWT, maka sesungguhnya Allah SWT melihat segala amal perbuatannya. Menyembah Allah SWT bererti mengabdikan diri kepadanya dengan ibadah menurut kaedah dan cara yang sebaiknya sama ada pada zahir (perbuatan lahiriah) atau batin iaitu ikhlas pada niat.

Menurut (Ibn Manzur, t.th: 13/114), lawan perkataan ihsan adalah keburukan (الإساءة) Dalam konteks ini, ihsan hendaklah dilakukan dengan berserta rasa keikhlasan iaitu syarat kepada sahnya iman dan Islam. Setiap amal yang tidak ikhlas, tidak dinamakan ihsan dan keimanan yang tidak disertakan dengan ikhlas, belum dinamakan beriman.

Ibadah yang dilaksanakan menurut hakikat ihsan hanya ditumpukan dan dikeranakan oleh Allah SWT semata-mata. Tidak disertakan niat kerana tujuan-tujuan lain atau untuk sesyatu yang lain. Kesan dari sikap ihsan ini menyebabkan seseorang merasa lebih bertanggungjawab di atas ibadahnya sehingga dia melakukan sesuatu ibadah dengan penuh kejujuran sama ada ketika berada di khalayak ramai atau ketika bersendirian. Ini kerana dia merasa yakin bahawa segala yang dikerjakannya itu dilihat oleh Allah SWT yang menyebabkannya merasa malu jika ibadah yang dilakukannya itu sekadar melepaskan tanggungjawab di dunia sahaja (Mustafa, 2009: 112-113).

Menurut Imam Al-Nawawi, Rasulullah SAW memberikan penjelasan mengenai ihsan dalam beribadah dengan tujuan agar setiap muslim melakukan ibadah dengan penuh ikhlas, patuh, penuh ketundukan dan khusyu' apabila seolah-oleh melihat Allah SWT di hadapan mereka. Perasan melihat Allah SWT dapat menghasilkan rasa kehambaan dan bersungguh-sungguh dalam beribadah serta menunaikan hak-hakNya dengan tujuan untuk menghampirkan diri kepadaNya.

Manakala di dalam Al-Quran, terdapat banyak ayat yang di sebut oleh Allah SWT mengenai ihsan (إحسان) iaitu pada surah Al-Baqarah ayat 178 dan 229, ayat 100 surah Taubah, ayat 9 surah Al-Nahl dan surah Al-Rahman pada ayat 55 (dua kali). Bagi perkataan ihsanan (إحسانا) juga terdapat sebanyak enam tempat iaitu pada ayat 83 surah Al-Baqarah, ayat 36 dan 62 surah Al-Nisa', ayat 151 surah Al-An'am, ayat 23 surah AlIsra' dan ayat 15 surah Al-Ahqaf. Merujuk kepada orang yang melakukan kebaikan (محسنين، محسنون، محسن) terdapat sekurang-kurangnya 28 tempat telah digunakan untuk menyebutkan sifat atau ciri-ciri orang yang melakukan ihsan (Al-Baqi, 1364h). Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya: (Al-Nahl, 16: 90).

Menurut (Al-Qurtubi, 1964: 10/167), ihsan di dalam ayat di atas membawa pengertian membuat baik kepada diri dan orang lain. Ini kerana Allah SWT menyukai hamba-hambaNya yang saling melakukan kebaikan di antara mereka. Allah SWT juga Maha Kaya dalam memberi kebaikan kepada makhluk-makhlukNya. Namun demikian, ihsan yang dimaksudkan di dalam hadis Jibril AS adalah kesungguhan (إتقان) di dalam ibadah dan menunaikannya dengan sempurna.

Jika diperhatikan, ayat-ayat di dalam Al-Quran yang menyebut tentang ihsan adalah bertepatan kepada berbuat baik dalam konteks yang sangat luas. Al-Qurtubi menjelaskan bahawa ketika ayat 90 surah Al-Nahl diturunkan dan dibacakan kepada Ali bin Abi Talib, beliau lantas berkata

bahawa “Demi Allah, sesungguhnya Dia mengutus Rasulallah SAW dengan akhlak yang mulia.” Ini mengisyaratkan bahawa ihsan mempunyai pengertian yang amat luas tetapi termasuk di dalam lingkungan berbuat baik dan melakukan kebaikan.

Maka dapat difahami di sini dua perkara. Pertama, ihsan dalam ibadah adalah melakukan sesuatu ibadah dengan penuh ikhlas, bersungguh dan memenuhi rukun, cara, kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak. Kedua, ihsan dalam makna yang lebih luas adalah melakukan kebaikan kepada diri dan orang lain yang merentasi kesempurnaan dan kemuliaan akhlak seperti yang ditunjukkan oleh Rasulallah SAW.

Terjemahan Hadis

عَنْ عُمَرَ أَيْضًا قَالَ: «بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ. حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ . فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَيَّ رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا. قَالَ: صَدَقْتَ . فَعَجَبْنَا لَهُ بِسَأَلِهِ وَيُصَدِّقُهُ! قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ. قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ: صَدَقْتَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَانَّهُ يَرَاكَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ. قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا؟ قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْخَفَاةَ الْغُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ. ثُمَّ أَنْطَلِقَ، فَلَبِثْنَا مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مَنْ السَّائِلُ؟. قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ لِيُعَلِّمَكُمْ دِينَكُمْ“ . (رواه مسلم)

Dari Umar Ibnul-Khattab RA, ia berkata: Pada satu hari kami duduk di dalam majlis bersama Rasulallah SAW, tiba-tiba muncul seorang lelaki yang berpakaian serba putih, berambut hitam pekat, tiada kesan bahawa ia seorang musafir, dan tiada di antara kami yang mengenalinya, lalu ia duduk bersama Rasulallah SAW, dan ditemukan kedua lututnya dengan kedua lutut Rasulallah SAW serta diletakkan kedua tapak tangannya ke atas kedua paha Rasulallah SAW, lalu lelaki itu berkata: "Khabarkan aku tentang Islam." Jawab Rasulallah SAW: "Islam ialah mengucap syahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulallah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah bagi yang mampu." Lelaki itu berkata: "Benar katamu." (Berkata Umar: Kami merasa hairan kepada tingkah laku lelaki tersebut, dia yang bertanya dan dia pula yang membernarkannya). Lelaki itu berkata lagi: "Khabarkanlah kepadaku tentang Iman." Rasulallah SAW menjawab: "Hendaklah kamu beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, Hari Akhirat dan hendaklah kamu beriman kepada takdir Allah, yang baik dan yang buruk." Lelaki itu berkata lagi: "Benar katamu! Khabarkan kepadaku tentang Ihsan." Rasulallah SAW menjawab: "Hendaklah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya. Sekiranya kamu tidak dapat melihatNya, sesungguhnya Allah sentiasa melihat Kamu." Lelaki itu berkata lagi: "Khabarkan kepadaku tentang hari kiamat." Rasulallah SAW menjawab: "Tiadalah orang yang ditanya itu lebih mengetahui daripada orang yang bertanya." Lelaki itu berkata lagi: "Khabarkan kepadaku tentang tanda-tandanya." Rasulallah SAW menjawab: "Apabila hamba perempuan melahirkan tuannya sendiri, apabila engkau melihat orang yang berkaki ayam, tidak berpakaian iaitu pengembala kambing membina bangunan yang tinggi-tinggi." (Kemudian lelaki itu beredar). Rasulallah SAW bertanya: "Tahukah kamu wahai Umar siapakah pemuda yang bertanya tadi?" Umar menjawab: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Rasulallah SAW berkata: "Itulah Jibril. Ia datang untuk mengajarkan agama kepada kamu." (Hadis Riwayat Muslim)

Adab Menuntut Ilmu Daripada Hadis

Menuntut ilmu adalah merupakan perkara penting dalam setiap individu untuk mengetahui sesuatu perkara. Dalam tradisi umat Islam, menuntut ilmu dimulai dengan memperlajari adab kerana ia dapat menentukan seseorang menjadi manusia yang baik dan ia merupakan satu elemen

yang paling penting dalam menuntut ilmu. Maka, sebarang kekurangan dalam aspek adab ini menyebabkan seseorang itu tidak seimbang dalam proses menuntut ilmu. Islam amat menekankan Pendidikan adab dalam kalangan umat manusia kerana adab menjadikan seorang mukmin itu memiliki keperibadian dan akhlak yang tinggi. Islam menetapkan pelbagai adab seperti adab berguru, menjaga orang sakit, menziarahi jenazah dan pergaulan seharian. Apabila setiap perbuatan berlandaskan adab dan akhlak yang baik, maka seseorang itu dapat meraih kecintaan Allah SWT. Apabila berbicara mengenai adab, seseorang itu bermuamalah dan melaksanakannya supaya mendapat keredhaan Allah SWT.

Al-Quran menyatakan kemuliaan dan darjat yang tinggi bagi orang yang berilmu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُرُوا فَانشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ (11)

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberilapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain), maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun, maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

(Surah al-Mujadalah, 58: 11)

Ada pelbagai adab menuntut ilmu yang harus kita ketahui agar ilmu yang kita tuntut berfaedah bagi kita dan orang yang ada di sekeliling kita. Ia dibincangkan secara meluas dan mendalam oleh para ulama dan ilmuwan silam. Berikut adalah adab menuntut ilmu antaranya ialah niat ikhlas kerana Allah SWT, kerana niat dapat mengawal diri kita. Bak kata pepatah, orang yang baik niatnya, maka baiklah juga perilakunya. Orang yang buruk niatnya, maka buruklah juga cara untuk mendapatkan apa yang diniatkan. Setiap niat itu juga akan diberi balasan berdasarkan niat itu sendiri walaupun perilakunya sama, seperti yang disebut dalam Riwayat Ahmad, Abu Dawud & Ibn Majah “Sesiapa yang menuntut ilmu yang sepatutnya dipelajari hanya kerana Allah, sedang ia tidak menuntutnya kecuali untuk dapatkan harta benda dunia, maka dia tidak akan dapat mencium bau syurga pada hari kiamat nanti. Sebagai contoh, ilmuan dan alim ulama terdahulu mengambil masa lama untuk mempelajari adab sekurang-kurangnya 20 tahun sebelum mempelajari ilmu.

Bagitulah sifat dan adab alim ulama yang perlu dituruti oleh mukmin pada hari ini. Kefahaman mengenai adab yang diterjemahkan melalui akhlak dan tingkah laku melahirkan keperibadian tinggi kerana sesuatu ilmu dipelajari berserta dengan adab yang baik mendapat kelebihan barakah serta kecintaan Allah SWT. Dalam menuntut ilmu, kita mestilah memastikan penampilan kita kemas dan bersih. Sebagaimana disebut di dalam hadis, Jibril menjelmakan dirinya sebagai seorang lelaki. Jibril menunjukkan kepada kita cara beradab ketika berada dalam majlis ilmu dan beradab dengan ulama. Kedatangannya bermaksud untuk menyampaikan dan mengajar agama kepada Rasul dan umatnya. Terdapat beberapa adab atau karakter yang boleh diikuti sebagai seorang penuntut ilmu iaitu, sebagai seorang muslim hendaklah sering berkumpul dalam majlis Ilmu bersama orang-orang soleh. Sementara itu, menggunakan pakaian yang bersih ketika ingin belajar. Ia ditunjukkan oleh Jibril dimana pakaian jibril yang sangat putih dan tiada kekotoran. Penampilan yang kemas. Ia ditunjukkan oleh jibril dimana rambutnya yang sangat hitam dan penampilan atau mukanya tidak mempunyai kesan perjalanan jauh. Keperluan bertalaqqi penting kepada penuntut ilmu dengan sentiasa duduk di hadapan dan berhampiran dengan gurunya, supaya dapat mendengar pengajian dan memahami pembelajaran dengan lebih

sempurna. Ia ditunjukkan oleh Jibril dimana Jibril duduk dihadapan nabi sehingga lutut bertemu lutut.

Tambahan lagi, diperbolehkan bertanya tentang sesuatu yang sudah diketahui agar diketahui oleh orang yang belum mengetahui, sebagaimana potongan hadis "ia yang bertanya ia pula yang membenarkannya.". Dalam pada itu, penuntut ilmu itu juga sentiasa tetap dalam keadaan yang tidak banyak bergerak dengan kata lain tidak beralih tempat duduk. Ini menunjukkan adanya adab antara penuntut ilmu apabila berhadapan dengan guru supaya dapat mendengar dengan penuh perhatian untuk menerima apa yang disampaikan. Penuntut ilmu mestilah sentiasa berusaha untuk menghias dirinya dengan akhlak yang baik dan perlu mengambil perhatian semasa menuntut ilmu berkenaan adab. Akhlak mulia adalah maruah pada diri setiap individu. Oleh itu, adab dan akhlak mulia merupakan tuntutan bagi setiap umat Islam, bukan hanya keutamaan kepada penuntut ilmu sahaja.

Rukun Iman dan Rukun Islam

Iman boleh dilihat sebagai pembenaran dalaman bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang tiada tandingannya, manakala Islam dilihat sebagai ketundukan yang lahir dengan melaksanakan rukun yang lima. Islam ialah taat dan patuh kepada Tuhan dengan menyatukan, mentaati, dan membebaskan diri daripada syirik dan munkar. Melalui penggunaan prototaip yang menggunakan bahasa isyarat untuk kegunaan OKU pekak, golongan ini dapat mempelajari dan mengetahui tentang rukun Islam dan akidah dengan lebih terperinci dan mendalam iaitu melalui penggunaan hadis ini. Iman menjadi sia-sia tanpa Islam, begitu juga sebaliknya. Islam adalah agama berdasarkan lima prinsip iaitu:

Mengucap dua kalimah Syahadah (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ)

Menunaikan solat fardhu tepat pada waktunya, dengan memenuhi syarat-syaratnya serta memerhatikan adab dan perkara yang sunnah.

Menunaikan zakat.

Berpuasa pada bulan Ramadan.

Haji sekali seumur hidup bagi mereka yang berkemampuan untuk ke tanah suci dan mampu menampung keperluan keluarga yang ditinggalkan.

Manakala iman juga mempunyai 6 rukun yang wajib diimani dan diamalkan oleh setiap mukmin. Rukun yang 6 itu ialah Rasulullah SAW bersabda apabila Jibril bertanya apakah itu iman, maka baginda menjawab seperti berikut:

Beriman kepada Allah.

Beriman kepada Malaikat.

Beriman kepada Kitab.

Beriman kepada Rasul.

Beriman kepada Hari Akhirat.

Iman kepada takdirnya, baik atau buruk (Qada' dan Qadr)

Islam, Iman, dan Ihsan adalah kesatuan yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Islam adalah satu-satunya agama yang diiktiraf oleh Allah di sisi-Nya, manakala Iman ialah kepercayaan yang menjadi asas kepada Islam. Keyakinan kemudian diwujudkan melalui pelaksanaan rukun Islam yang lima. Sedangkan pelaksanaan rukun Islam dilakukan dengan cara Ihsan, sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan seseorang hamba. Maka, Islam tidak sah tanpa Iman, dan iman tidak sempurna tanpa adab. Sebaliknya, Ihsan adalah mustahil tanpa iman, dan iman tidak akan wujud tanpa Islam. Ilmu rukun iman dan Islam inilah yang menjadi teras kepada usaha membangunkan nilai-nilai Islam. Bagi mereka yang bermasalah pendengaran, mengenal Tuhan dan memahami asas-asas akidah juga amat penting selain daripada kemahiran hidup. Pendidikan ini meliputi akidah, ketaatan kepada ibadah, dan keseimbangan akhlak yang tidak ada bezanya dengan pendidikan Islam bagi individu biasa. Pengenalan terjemahan hadis menggunakan bahasa isyarat memberi pendekatan yang baik kepada masyarakat golongan pekak dan merupakan cara yang berkesan untuk menerapkan akhlak, ibadah, dan keimanan dalam diri mereka.

Hasil Kajian

Kajian ini tertumpu kepada hadis ini yang menekankan tentang Iman, Islam dan Ihsan bahawa Nabi Muhammad SAW bertanya kepada Jibril termasuk tentang rukun iman dan Islam. Hadis pilihan ini berkaitan konsep Islam dan rukunnya, konsep iman dan rukunnya, serta perbincangan tentang konsep Ihsan. Umumnya skop ajaran Islam merangkumi rukun Iman yang enam iaitu Iman kepada Allah, Iman kepada Rasul-Nya, Iman pada malaikat-Nya, Iman kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada Rasulullah dan Iman kepada qadha dan qadar. Tentunya termasuk segala yang berkaitan dengan iman seperti perkara mati, syaitan, jin, syaitan, azab kubur, alam barzakh dan sebagainya. Dalam pelaksanaan kajian ini tentunya disesuaikan dengan tahap perkembangan golongan OKU pekak.

Konteks hadis yang dikemukakan diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang berguna dan masyarakat juga senang dan gemar mengamalkan serta mengembangkan syiar Islam dalam hubungannya dengan Tuhan dan sesama manusia, selain dapat mengambil manfaat yang semakin meningkat dari alam semesta ini untuk kepentingan hidup di dunia dan akhirat. Jadi, hadis ini dimaksudkan untuk meningkatkan keimanan, kefahaman, penghayatan dan pengalaman agama Islam dan keimanan, sehingga menjadi manusia yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT serta berakhlak mulia dalam kehidupan peribadi, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Hadis ini menjelaskan bahwa Islam berasal dari bahasa Arab Aslama, ertinya menerima, menyerah, atau tunduk. Jadi, perkataan Muslim juga berkaitan dengan perkataan Islam bermaksud orang yang menyerahkan diri kepada Tuhan. Sebagaimana Rasulullah SAW juga telah memperincikan 5 rukun yang menjadi asas Islam. Ini disokong oleh hadis ke-3 dalam kitab matan Arba'in an-Nawawi yang berbunyi:

عن أبي عبد الرحمن عبد الله بن عمر رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم «بُني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، والحج، وصوم رمضان».

Maksudnya: Rasulullah ﷺ bersabda, "Islam itu dibangun di atas lima (tiang): Persaksian 'La ilaha illallah' (tidak ada yang berhak disembah melainkan Allah), bahawa Muhammad (ﷺ) adalah hamba dan Rasulnya, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji ke Baitullah (Kaabah), dan Saum pada bulan Ramadhan." (HR. Bukhari dan Muslim)

Hasil kajian ini dapat menghasilkan prototaip berkenaan hadis Islam, Iman dan Ihsan. Prototaip ini juga boleh digunakan sebagai modul baharu untuk pengajaran dan pembelajaran bagi komuniti bermasalah pendengaran. Dengan prototaip ini, pendekatan hadis boleh dimulakan untuk kanak-

kanak bermasalah pendengaran seawal usia lagi. Selain itu, kita juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bertanggungjawab dalam menimba ilmu dan mengetahui tentang ilmu Islam seperti rukun iman dan Islam melalui aplikasi YouTube. Pendekatan sebegini boleh memberi kemudahan kepada OKU pekak. manusia supaya mudah memahami dan mempelajari Islam dengan mengikut cara pembelajaran zaman moden.

Rajah 1: Paparan terjemahan hadis pada aplikasi YouTube bermasalah pendengaran dalam Prototaip.

Peranan hadis adalah untuk menjelaskan pengertian Islam, Iman dan Ihsan yang disampaikan oleh Jibril kepada Nabi Muhammad SAW. Ia dapat memberi kefahaman kepada umat Islam dengan mengetahui dan memahami terjemahan hadis tersebut. Bagi masyarakat OKU pendengaran, agak sukar untuk memahami hadis kerana kekurangannya. Kini, kebanyakan orang menggunakan platform seperti YouTube dalam pembelajaran agama. Jadi, usaha seperti ini penting dan boleh membantu dalam usaha mempelajari hadis ini. Oleh itu, setiap huraian mestilah sepadan dengan bahasa isyarat mudah yang biasa digunakan oleh golongan bermasalah pendengaran dalam kehidupan seharian mereka bagi memastikan mereka dapat memahami kandungannya. Ayat lengkap diterjemahkan ke dalam ayat pendek dan kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).

Kesimpulan

Terjemahan bahasa isyarat ini dibangunkan untuk merapatkan jurang antara pengajaran dan pembelajaran Hadis dalam kalangan masyarakat bermasalah pendengaran. Ia adalah medium dakwah kepada masyarakat. Medium ini boleh digunakan oleh guru dan pakar dalam bidang Hadis untuk menguasai bahasa isyarat. Orang biasa juga boleh mempelajari bahasa ni, sekaligus memastikan masyarakat bermasalah pendengaran tidak ketinggalan dalam mempelajari asas-asas agama Islam seperti solat, puasa, zakat, haji dan juga perkara-perkara yang biasa dilakukan oleh manusia asalkan mereka seorang yang sudi menghulurkan bantuan kepada golongan istimewa ini. Hadis pilihan ini menunjukkan ilmu tentang Iman, Islam dan Ihsan oleh Jibril kepada Nabi Muhammad SAW. Prototaip terjemahan bahasa isyarat Hadis 'Jibril Bertemu Nabi Muhammad SAW, Bertanya Tentang Iman, Islam & Ihsan', dapat membantu orang pekak lebih memahami tentang Islam iaitu adab-adab menuntut ilmu, rukun Islam dan rukun iman. Mereka juga boleh mempelajari intipati hadis berkaitan hadis pilihan ini dengan menggunakan bahasa isyarat. Selain itu, prototaip ini boleh dibangunkan pada Hadis lain sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, diharap perkara ini dapat disebarluaskan agar dapat memberi manfaat kepada lebih ramai orang.

Rujukan

- Anugrah, R. L., Asirin, A., Musa, F., & Tanjung, A. (2019). Islam, Iman dan Ihsan dalam Kitab Matan Arba 'In An-Nawawi (Studi Materi Pembelajaran Pendidikan Islam Dalam Perspektif Hadis Nabi SAW). *Tarbiyah Islamiyah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam*, 9(2).
- Fauzan, M. (2012). Upaya Pembangunan Karakter Mahasiswa STAIN Pekalongan Melalui Kegiatan Menulis Karya Ilmiah Berprinsip ESQ 165 (Satu Ihsan, Enam Rukun Iman, dan Lima Rukun Islam). In *Forum Tarbiyah* (Vol. 10, No. 1).
- Hadis: One day, we were sitting with the Messenger of Allah (may Allah's peace and blessings be upon him) when there appeared before us a man dressed in extremely white clothes and had very black hair. No traces of travel were visible on him, and none of us knew him. (n.d). *Encyclopedia of Translated Prophetic Hadiss*. <https://hadeethenc.com/en/browse/hadiss/4563>
- Hussein, A. T. (2019, January 9). Hadiss: Islam, Iman Dan Ihsan. *DAKWAHDanTARBIAH.com*. Retrieved November 27, 2022, from <https://dakwahdantarbiah.com/hadits-islam-iman-dan-ihsan>
- Ismail, U. S. (2021, August 27). Hadis Tentang Islam, Iman, Ihsan Dan Tanda Kiamat. *Aku Muslim*. Retrieved November 27, 2022, from <https://akumuslim.asia/hadis-tentang-islam-iman-ihsan-tanda-kiamat/>
- Razali, M.N.I., Akram Sairozi, M.Z. et al. (23-24 November 2019). Maqasid Shariah dalam Adab-Adab menuntut ilmu berdasarkan Kitab Ta'lim Wal Muta'alim. Retrieved November 26, 2022, from <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-99.pdf>
- Mohd, N. M. (2013, January). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesehatan Jiwa. from https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Nasir-Masroom/publication/315794770_Iman_Islam_dan_Ihsan_Kaitannya_dengan_Kesihatan_Jiwa/links/5b57cd8aaca272a2d66702a2/Iman-Islam-dan-Ihsan-Kaitannya-dengan-Kesihatan-Jiwa.pdf
- Wiki, Q. (n.d.). Qur'an Wiki - Surah 58: al-Mujadilah Ayat 11. <http://www.quran-wiki.com/ayat-58-11-alMujadilah>
- Yusoff, Y. M., & Awang, A. (2019). Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 47, 1 0 5 - 1 1 8 .